

# PERTANDINGAN BADMINTON BERPASUKAN PIALA PENGURUS BESAR BDA (JEMPUTAN) 2010

---

## 1.0 NAMA PERTANDINGAN

Pertandingan ini dinamakan **PERTANDINGAN BADMINTON BERPASUKAN PIALA PENGURUS BESAR BDA (JEMPUTAN) 2010**

## 2.0 PENGELOLA/PENGANJUR

Pertandingan ini dianjurkan oleh **BDA** dengan kerjasama **KSR BINDA 2009/2010**

## 3.0 UNDANG-UNDANG KEJOHANAN

Undang-undang pertandingan adalah mengikut I.B.F. Jika tiada dalam peruntukan didlm undang-undang berkenaan maka keputusan muktamad tertakluk kepada Jawatankuasa Pertandingan ini.

## 4.0 SISTEM PERTANDINGAN

- a. Pertandingan ini akan dijalankan secara **LIGA** pada peringkat kumpulan & hanya dua (2) pasukan teratas setiap kumpulan layak utk memasuki pusingan kedua yg akan dijalankan secara **kalah mati**.
- b. Pertandingan akan dijalankan dengan kiraan mata **21**
- c. Pertandingan ini akan diadakan selama **3 hari** sahaja & jadual pertandingan adalah ketat iaitu ianya akan dijalankan pada sebelah pagi, tengahari & sebelah malam.
- d. Susunan Masa Pertandingan:
  - Perseorangan Lelaki Pertama**
  - Beregu Lelaki Terbuka**
  - Veteran lelaki 45 tahun keatas**
  - Perseorangan Lelaki Kedua**
  - Beregu Lelaki 40 tahun keatas**

- e. Setiap Pasukan dikehendaki menyediakan **seorang pengadil (umpire) & 2 penjaga garisan.**
- f. Shuttlecock **Vector Gold** akan disediakan oleh Pihak Penganjur.

## 5.0 PENYERTAAN

- a. Sesuatu pasukan boleh terdiri daripada **11** orang pemain lelaki
- b. Adalah atas jemputan oleh BDA
- c. Pemain **IMPORT** adalah tidak dibenarkan dari luar agensi/syarikat tuan-tuan & kepada agensi yang tidak cukup pemain kebenaran mesti diperolehi dari pihak penganjur terlebih dahulu.
- d. Setiap peserta dikehendaki menyediakan fotokopi IC & Surat Pengesahan Majikan masing-masing.
- e. Peserta mestilah berumur 25 tahun keatas.
- f. Peserta mestilah berada di Bintulu sekurang-kurangnya 6 bulan dari tarikh pertandingan.

## 6.0 YURAN PENYERTAAN

Setiap pasukan dikenakan Yuran Pertandingan Sebanyak **RM350.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Lima Puluh Sahaja)** & hendaklah diserahkan bersama borang penyertaan semasa hari pengundian & taklimat pengurus  
Setiap Pasukan dikehendaki menghubungi Pihak Penganjur untuk pengesahan penyertaan mereka secepat mungkin.

## 7.0 TARIKH & PERTANDINGAN

- 7.1 Tarikh : **15 – 17 Januari 2010**
- 7.2 Masa : **8:00** pagi  
**2:30** petang  
**7:15** malam
- 7.3 Tempat: **Pusat Sukan BDA Kidurong**

## 8.0 JADUAL PERTANDINGAN

Jadual pertandingan yg ditetapkan oleh Jawatankuasa pengelola adalah muktamad. Setiap pasukan yg bertanding hendaklah sentiasa bersedia di gelanggang pertandingan semasa pertandingan dijalankan.

Pasukan yg tidak dapat menghadirkan diri setelah 15 minit dipanggil, maka kemenangan akan diberi kepada pihak lawannya.

Bagaimanapun, Jawatankuasa Pengelola mempunyai kuasa MUTLAK di atas sebarang perubahan jadual pertandingan jika difikirkan perlu dengan memberitahu terlebih dahulu kepada pasukan-pasukan yg bertanding.

## 9.0 BANTAHAN

Bantahan hendaklah berserta wang pertaruhan sebanyak **RM300.00 (RINGGIT MALAYSIA : Tiga Ratus Sahaja)** tunai & dikemukakan secara bertulis kepada Pihak Pengelola dalam masa 30 minit selepas perlawanan & mesti ditandatangani oleh Pengurus/Ketua Pasukan.

## 10.0 TATATERTIB

Semua pengurus & ketua pasukan serta pemain dalam pertandingan ini dikehendaki menyertai dengan penuh semangat kesukanan & muhibbah disamping menghormati serta mematuhi segala undang-undang & peraturan yang ditentukan oleh Jawatankuasa pengelola.

Setiap pasukan mestilah mematuhi syarat-syarat yg telah ditetapkan, penyertaan akan dibatalkan sekiranya pasukan tidak mematuhi peraturan-peraturan yg ditetapkan & yuran pertandingan tidak akan dikembalikan.

## 11.0 HADIAH-HADIAH

Hadiah-hadiah adalah seperti berikut:

<b>TEMPAT PERTAMA</b> :	Wang Tunai RM500,Piala Pusingan & Iringan, Cenderamata utk Setiap Pemain
<b>TEMPAT KEDUA</b> :	Wang Tunai RM300,Piala Iringan, Cenderamata utk Setiap Pemain
<b>TEMPAT KETIGA</b> :	Wang Tunai RM150,Piala Iringan, Cenderamata utk Setiap Pemain
<b>TEMPAT KETIGA</b> :	Wang Tunai RM150,Piala Iringan, Cenderamata utk Setiap Pemain

## 12.0 BORANG PENYERTAAN, TARIKH TUTUP & BAYARAN

Borang penyertaan boleh didapati daripada Mustafa Talaha(013-8331201)

**TARIKH TUTUP PENYERTAAN : 11 JAN 2010 (12:00 T/HARI)**

Sila buat bayaran & serah borang pada masa Taklimat kepada Pengurus/Ketua Pasukan & Cabutan undi.

### **13.0 TAKLIMAT KEPADA PENGURUS/KETUA PASUKAN DAN CABUTAN UNDI:**

Taklimat kepada pengurus/Ketua pasukan & cabutan undi yang akan diadakan di **WISMA BINTULU (BDA HQ)** pada **Isnin 11 Januari 2010, jam 2:30 petang.**

### **14.0 PERKARA AM**

Akur dengan keputusan Jawatankuasa Pengelola, tidak mensabotaj permainan, bersemangat tinggi kesukanan & setiakawan adalah digalakan utk melicinkan perjalanan pertandingan itu nanti.

Sekiranya timbul sebarang keraguan sila berhubung dengan [En Mustafa Talaha \(013-8331201\)](#)